

SUKARELAWAN

94

Sukarelawan bermaksud orang yang melakukan sesuatu secara sukarela. Perkhidmatan mereka ini tidak memerlukan kelayakan tertentu. Keterlibatan belia dalam pelbagai bidang sukarelawan seperti khidmat komuniti, sukarelawan dalam bentuk teknikal, sukan, penerbitan, seni budaya dan sebagainya dapat meningkatkan jati diri belia.

Sumber: Kamus Dewan Edisi Keempat



Penglibatan Belia Dalam Aktiviti Kesukarelawan

Berdasarkan satu kajian yang dijalankan ke atas 5,223 responden belia, sebanyak 27.1 peratus berminat untuk menyertai aktiviti kesukarelawan dan sebanyak 6.1 peratus belia berpendapat aktiviti kemasyarakatan dapat menanam rasa tanggungjawab dalam diri.

Selain itu, sebanyak 22.6 peratus belia bersetuju untuk sanggup menghabiskan masa dan wang ringgit bagi kerja-kerja sukarelawan.

Keterlibatan Belia Dalam Aktiviti Kesukarelawan	
Penglibatan	Setuju (%)
Berminat untuk menyertai aktiviti sukarelawan	27.1
Aktiviti kemasyarakatan tanam rasa tanggungjawab	6.1
Sanggup menghabiskan masa dan wang ringgit bagi kerja sukarelawan	22.6

**Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2011*

Penglibatan Belia Dalam Aktiviti Kesukarelawan Mengikut Kategori Umur



Keterlibatan Belia Dalam Aktiviti Kesukarelawan Mengikut Pecahan Umur

Penglibatan	15-25 tahun Bilangan responden= 2,904	26-40 tahun Bilangan responden= 2,319
Berminat untuk menyertai aktiviti sukarelawan	15.0	12.1
Aktiviti kemasyarakatan tanam rasa tanggungjawab	3.8	2.3
Sanggup menghabiskan masa dan wang ringgit bagi kerja sukarelawan	13.1	9.5

*Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2011

Penggunaan Waktu Senggang Untuk Aktiviti Sukarelawan

Berdasarkan satu kajian yang dijalankan ke atas 5,223 responden yang terdiri dalam kalangan belia, hasil dapatan menunjukkan sebanyak 18.2 peratus belia menggunakan waktu senggang untuk aktiviti sukarelawan.

Walau bagaimanapun, sebanyak 81.8 peratus menggunakan waktu senggang mereka dalam lain-lain aktiviti.

Penglibatan	Peratusan (%)
Ya	18.2
Tidak	81.8

**Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2011*

